


Pengalaman Bahasa dan Dunia Arab

Bahasa Arab dianggap sebagai teras kepada bahasa dunia dari perspektif keagamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Arab digunakan oleh Nabi Adam dan merupakan bahasa purba. Penyebaran bahasa yang meluas di serata dunia menyebabkan kepelbagaian bahasa tercipta. Bahasa Inggeris dianggap bahasa baharu berbanding dengan bahasa Arab yang dapat bertahan lama.



Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa Semit yang mempunyai penutur yang besar. Bahasa Semit merupakan bahasa yang dituturkan di Timur Tengah, Afrika Timur dan Afrika Utara yang merupakan cabang rumpun timur laut bahasa Afro-Asia yang berasal dari luar Afrika. Bahasa ini berasal dari Arab Selatan sebelum berkembang dan menyeberang ke Ethiopia. Istilah Semit sendiri berasal daripada bahasa Latin, iaitu *Semita* dan *Semiticus* atau *shem* yang bermakna Syam. Golongan Samiyah ini bertutur bahasa Arab kuno.

Dalam bahasa Inggeris Semit dikenali sebagai *semitic*. Menurut sejarah, Syam merupakan salah seorang anak Nabi Noh. Namun, penggolongan istilah Semitik sebagai rumpun bahasa hanya berlaku pada tahun 1813. Dalam bahasa Semitik ini, bahasa Arablah yang merupakan bahasa terbesar, iaitu mempunyai penutur sebanyak 206 juta orang, diikuti oleh bahasa Amhar seramai 27 juta, bahasa Ibrani sekitar 7 juta dan bahasa Tigris seramai 6.8 juta penutur. Bahasa ini merupakan antara bahasa yang terawal dunia.

Bahasa Arab menjadi bahasa dunia di seluruh dunia Arab seperti Mesir, Sudan, Libya, negara Afrika Utara Tunisia, Magribi dan Algeria, Arab Saudi, Iraq, Jordan, dan negeri selat Arabia. Di negara bukan Arab seperti Republik Chad di Afrika Tengah, lebih ramai penduduk Chad bertutur dalam bahasa Arab sebagai bahasa ibunda mereka. Bahasa Arab juga menjadi bahasa minoriti di negara lain seperti di Nigeria, Iran, dan Soviet Union, malah bahasa Arab berasimilasi dengan bahasa lain. Faktor bahasa Arab berkembang kerana merupakan bahasa keagamaan. Dalam

kalangan dunia Islam, bahasa ini menjadi bahasa keilmuan dalam tradisi keagamaan. Negara seperti Pakistan, India, Malaysia dan Indonesia mempunyai ramai ahli agama yang menguasai dengan baik bahasa Arab kerana penguasaan bahasa Arab merupakan perkara asas dalam ilmu seperti usuluddin dan syariah Islam.

Dunia Arab

Dunia Arab atau dikenali sebagai bangsa Arab terdiri daripada tidak kurang daripada 22 gabungan negara penutur bahasa Arab dalam liga Arab. Dunia Arab meliputi Lautan Atlantik di barat, hingga Lautan Parsi di timur, dan dari Lautan Mediterranean di utara, hingga Afrika Tengah dan mencecah Lautan India. Liga Arab hanya terbentuk pada tahun 1945 untuk menjaga kepentingan dunia Arab, meskipun gerakan nasionalisme hanya bermula pada pertengahan abad ke-19 bersama-sama gerakan nasionalis kerajaan Uthmaniyah. Terdapat penolakan penggunaan istilah "dunia Arab" dalam kalangan puak seperti Berber dan Kurdis. Negara Israel, misalnya, tidak menganggap mereka sebahagian daripada negara Arab kerana kebanyakan penduduk mereka sendiri bukanlah berasal dari tanah Arab. Di negara-negara Arab seperti Morocco, Algeria dan Tunisia, bahasa Arab moden digunakan oleh pihak kerajaan. Namun begitu, penduduk mereka mempunyai bahasa harian mereka sendiri yang dikenali sebagai Darija. Bahasa Darija ini banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab, selain dipengaruhi bahasa Berber dan Perancis. Dunia Arab selalu dipersepsikan oleh Barat sebagai negara yang mempunyai kekayaan

sumber, khususnya minyak, walaupun tidak semua negara memilikinya. Pada masa yang sama, negara-negara Arab sering dianggap selalu bertelagah sesama sendiri akibat perebutan kekayaan tersebut. Meskipun dunia Arab dikaitkan dengan dunia Islam, akan tetapi terdapat juga orang Arab sendiri mempunyai pelbagai kumpulan etnik dan menganut agama-agama lain.

Bahasa Arab bersifat Algebra

Bahasa Arab disifatkan para pengkajinya seperti algebra kerana tatabahasa dianggap hampir terlalu sempurna dalam perspektif linguistik semitik bandingan. Bagi orang Islam, bahasa Arab merupakan bahasa dunia dan akhirat, dan Allah menyampaikan firman dalam bahasa Arab kemudian disusun menjadi al-Quran. Bahasa Arab dianggap juga sebagai bahasa "para malaikat" dan dianggap sebagai bahasa yang sangat indah. Al-Quran ditujukan kepada seluruh umat manusia merentasi zaman, dan bukan untuk orang Arab sahaja. Hal ini dikatakan demikian, tidak semua orang Arab beragama Islam. Selain dianggap bahasa yang indah, bahasa ini merupakan bahasa pilihan dalam agama Islam daripada pelbagai bahasa yang ada. Pengerjaan solat, misalnya, tidak sah sekiranya tidak menggunakan bahasa Arab.

Bahasa Arab dianggap sebagai teras kepada bahasa dunia dari perspektif keagamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Arab digunakan oleh Nabi Adam dan merupakan bahasa Syurga. Penyebaran bahasa yang meluas di serata dunia menyebabkan kepelbagaian bahasa tercipta. Bahasa Inggeris dianggap bahasa baharu berbanding dengan bahasa

rab yang dapat bertahan lama. Falsafah, dipercayai bahawa pada zaman Nabi Ibrahim, terdapat bukti kukuh bahawa bahasa Arab telah digunakan. Hal ini bermakna bahasa ini wujud selama 40 abad atau 40 ribu tahun.

Tatabahasa Arab bukan sahaja digunakan dalam al-Quran, akan tetapi banyak dirujuk dan dihormati sejak zaman pra-Islam dan era awal puisi Islam yang menekankan kefasihan dan penggunaan bahasa Arab yang tepat. Apabila masyarakat Arab mengalami transformasi kebudayaan yang lebih tinggi hasil perkembangan zaman, bahasa al-Quran dan tradisi syair lain semakin berbeza daripada bahasa vernacular yang dituturkan, terdapat keperluan literasi dalam bahasa tulisan yang tinggi untuk mengekalkan kesedaran kebudayaan dalam perkataan Arab erana bahasa Arab merupakan bahasa yang dianggap suci dan mempunyai estetika yang tinggi.

Dalam konteks tersebut, berlaku juga pertukaran kemahiran bahasa terhadap kumpulan lain seperti keperluan untuk mengajarkan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Permintaan terhadap terjemahan dan keperluan penterjemah sesuai dengan perkembangan bahasa itu sendiri. Faktor-faktor tersebut memainkan peranan penting dalam perkembangan awal peradaban Islam yang bercambah dalam konteks budaya, agama dan bahasa, sesuai juga dengan penambahan wilayah yang dikuasai. Selain penambahan wilayah yang memeluk agama Islam. Kemajuan kebudayaan dan politik pada zaman Abbasiyah, di Baghdad dan penyalinan al-Quran pada era Khalifah Uthman (644-656) membawa kepada engalan prinsip ortografi dalam penulisan Arab (Ryding, 2014:8). Ortografi merupakan sistem

ejan suatu bahasa atau gambaran oleh bunyi bahasa sama ada dalam bentuk tulisan atau lambang. Ortografi meliputi rumus atau formula kaedah menulis dalam aturan penulisan simbol dan hal ini meliputi ejaan, tanda baca, pemenggalan kata dan sebagainya. Apabila sistem ortografi ini dibina, maka berlakunya peningkatan perhatian terhadap aspek tatabahasa dan leksikon.

Hasilnya, berlakunya perkembangan pesat ketika 500 tahun era kebangkitan Islam dalam aspek kesedaran dan celik huruf. Hal ini membawa kepada perkembangan sistematik terhadap pertumbuhan ilmu pengetahuan dalam dunia Islam pada abad ke-8 dan ke-9. Dalam disiplin bahasa, terdapat perkembangan yang memberikan kesan yang besar seperti dalam bidang terjemahan, ulasan, tafsir, pendokumentasian, pendidikan, dan undang-undang, dan kesemua hal ini diperlukan untuk membentuk asas budaya Islam, masyarakat sivil, bidang sains dan pengurusan pentadbiran awam. Pada masa yang sama, bidang-bidang lain seperti perubatan, kimia, muzik, astronomi dan matematik turut berkembang. Setiap bidang tersebut berkembang dari aspek prinsip asas ke aspek lanjutan pengetahuan. Seterusnya membentuk istilah teknikal Arab yang tersendiri, terjemahan, bentuk pendidikan dan penyebaran ilmu. Asas nahu Arab klasik dan perkamusan telah ditetapkan pada akhir abad ke-8, hasil sumbangan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi

Tradisi tatabahasa Arab yang disatukan oleh asas-asas bentuk bertulis lebih seribu tahun dahulu merupakan teras dan latar belakang terhadap kemajuan dan disiplin ilmu, taksonomi dalam pembelajaran bahasa dapat diperkembangkan.

melalui penghasilan

Kamus al-'Ayn dan karya agung tatabahasanya, *Sibawayh* (Al-Kitab). Kemudian, tradisi tatabahasa Arab yang disatukan oleh asas-asas bentuk bertulis lebih seribu tahun dahulu merupakan teras dan latar belakang terhadap kemajuan dan disiplin ilmu taksonomi dalam pembelajaran bahasa dapat diperkembangkan, istilah dapat diperhalusi, aspek teori dalam dilibatkan dalam maklumat secara matrik, analisis dan tatacara yang memupuk tradisi penyelidikan yang berkekalan dalam kajian bahasa (Ryding, 2014:8).

Pengaruh Latin dalam Arab

Dalam era kegemilangan Islam, terdapat ahli falsafah Islam pakar juga dalam bidang-bidang sains. Mereka berbahasa dan mengemukakan idea dalam konteks budaya Islam, meskipun tidak terlahi mengkhusus dalam hal-hal agama. Hal ini dilihat apabila, hadis-hadis Nabi dan al-Quran mempunyai pelbagai idea, gagasan dan pemikiran berunsur falsafah. Apabila hubungan

falsafah Barat berlaku pada abad ke-8, maka hal ini membawa kepada terjemahan karya-karya besar Latin dalam bahasa Arab.

Dalam dunia Arab, Aristotle dirujuk sebagai ahli falsafah terkemuka selepas al-Kindi (873 M) dan Ibn Rashid atau nama sebenarnya Abdul Walid Muhammad Ibn Ahmad Ibnu Rusd (1198M). Al-Kindi dianggap sebagai bapa falsafah Arab dan dikenali sebagai falsafah yang memperkenalkan falsafah Greek dan falsafah zaman Hellenistik dalam dunia Islam. Beliau merupakan ahli falsafah yang pertama menulis dalam bahasa Arab yang menggabungkan idea Aristotle dan neo-Plato dalam kerangka falsafah Islam. Beliau menegaskan sumber wahyu merupakan sumber tertinggi pengetahuan dan matlamat metafizik merupakan pengetahuan Allah. Metafizik merupakan cabang ilmu falsafah yang membahas tentang hakikat realiti, alam dunia dan kewujudan dalam konteks tidak nyata. Pandangannya menyebabkan beliau dianggap tidak membuat perbezaan jelas antara falsafah dengan teologi kerana mempercayai kedua-dua hal tersebut merupakan perkara yang sama. Ibn Rashid, kelahiran Sepanyol, menulis tentang ilmu logik, Aristotelian, falsafah Islam, teologi, pemikiran mazhab al-Maliki, politik, psikologi, matematik, geografi, fizik, perubatan, dan sains zaman era pertengahan. Beliau juga dikenali di Barat sebagai Averroes (nama Latin dipengaruhi oleh bahasa Hebrew). Beliau merupakan pemikir yang mempertahankan falsafah Aristotle dan menulis panjang lebar tentang Aristotle, dan menganggapnya sebagai sarjana yang mempunyai bentuk

Pengaruh Arab di Sepanyol bukan sekadar terhadap bahasa Sepanyol, akan tetapi terdapat nama-nama tempat di Sepanyol yang sama seperti di tanah Arab seperti Algeciras, Gibraltar, Guadalquivir, Guadalajara dan sebagainya.

corak yang memperlihatkan sifat kesempurnaan manusia. Hal ini dapat dilihat dalam karya aslinya berjudul *Tahafut al-Tahafut* (Ketidaktahuan dalam Ketautan) yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa Eropah.

Beliau juga menentang aliran agama Ash'ari yang diketuai oleh al-Ghazali. Buku *Tahafut al-Falasifa* (Ketidaktahuan Ahli-ahli Falsafah) merupakan buku yang dihasilkan oleh al-Ghazali yang dikritik oleh Ibn Rushd. Dalam pemikiran Averroes, beliau menyatakan tindakan seseorang itu dipengaruhi hukum alam semula jadi hasil ciptaan Tuhan, manakala bagi al-Ghazali, hal ini merupakan fenomena semula jadi hasil daripada kehendak Tuhan. Averroes mempunyai pengaruh besar terhadap dunia Kristian di Eropah dan digambarkan sebagai 'bapa pemikiran sekular dunia Eropah' (Kadri Sarakat, 2012). Averroes juga pernah menganggap Aristotle sebagai guru pertamanya manakala guru kedua ialah al-

Farabi (950 M) (P. Parolin (2009). Bagaimanapun, teks *Politics* hasil karangan Aristotle tidak pula mendapat perhatian dalam dunia pemikiran Arab, sama ada oleh Avveroe mahupun oleh al-Farabi. Hal ini disebabkan karya tersebut membincangkan konsep kerajaan ideal pemerintahan dalam konteks dunia Barat. Justeru, kandungan tersebut tidak sesuai diketengahkan dalam konteks prinsip pemerintahan Islam. Hal ini bermakna mereka meneliti terlebih dahulu sebelum memperkenalkannya kepada dunia Arab dan dunia Islam.

Pengaruh Bahasa Arab

Pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Inggeris, jelas dalam penggunaan perkataan seperti *sugar* (*sukkar*), *magazine* (*mahazin*), *cotton* (*qutn*), *algebra* (*al-jabr*), *admiral* (*amir*), *alchemy* (*al-kimiya*), *lemon* (*limun*), *tariff* (*tarif*) dan sebagainya. Dalam bahasa Sepanyol, pengaruh bahasa Arab terpancar dalam penggunaan perkataan seperti *aceituna* (*zaitun*), *abalorio* (*al-barurri*), *abysmal* (*al-mismar*), *aduan* (*diwan*), *ajaquefa* (*azaquefa*), dan sebagainya. Pengaruh bahasa Arab di Sepanyol bukan sekadar terhadap bahasa Sepanyol, akan tetapi terdapat nama-nama tempat di Sepanyol yang sama seperti di tanah Arab seperti Algeciras, Gibraltar, Guadalquivir, Guadalajara, dan sebagainya. Ternyata, pengaruh bahasa Arab di Sepanyol bukan sahaja sahaja setakat seni bina Islam di Masjid al Cordoba, Granada, dan Giralda akan tetapi banyak lagi kesan yang menyeluruh hasil tinggalan budaya Arab.

Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu dapat dilihat dalam tiga aspek, iaitu

pembentukan tulisan jawi, kewujudan perbendaharaan kata Arab dan struktur ayat bahasa Melayu. Apabila Islam datang ke alam Melayu, pengaruh bahasa Arab berkembang, sama ada melalui perdagangan, atau gerakan dakwah oleh orang Arab sendiri atau pun pedagang India atau Cina Islam. Disebabkan agama Islam merupakan sumber asas kepercayaan baharu, hal ini mempengaruhi undang-undang atau peraturan hidup seharian mereka sehingga terbentuknya tulisan jawi yang mengambil aksara Arab dan ditambahkan dengan kreativiti Melayu dengan enam huruf dalam penulisan bahasa Melayu. Di sinilah karya sastera berunsur Islam dan kitab agama ditulis dalam tulisan jawi. Terdapat banyak perbendaharaan kata bahasa Melayu, sama ada sebutan atau makna, masih sama seperti asal seperti perkataan abad, ilmu, hikayat, markas, musibah, musyawarah, mungkar, syariat dan maut. Terdapat juga sebutan yang berubah, akan tetapi mempunyai erti yang sama seperti perkataan makalah (*maqalatun*), masalah (*mas-alatuna*), dan mungkin (*mumkinun*). Selain itu, terdapat sebutan dan maksud yang berubah daripada sebutan dan makna, misalnya perkataan 'keparat' yang berupa bentuk makian berasal daripada perkataan kafarat yang bererti tebusan atau denda. Dalam struktur bahasa Melayu, pengaruh bahasa Arab dapat dilihat daripada penggunaan ayat songsang dan ayat pasif. Selain itu, pengaruh ini juga dapat dilihat dari aspek imbuhan bahasa Melayu seperti imbuhan -ah (misalnya perkataan muslimah dan alamiah) dalam bunyi bahasa Melayu dan terhadap bunyi bahasa Melayu seperti ghairah, ghaib, zuriat dan khazanah. Terdapat juga

Pada masa kini, bidang pengajian dilihat sebagai bidang untuk mendapatkan kefasihan linguistik dan memahami kebudayaan dan agama. Selain minat tersebut, orang barat yang mempelajari bahasa dan dunia Arab sering dikaitkan dengan peluang pekerjaan di Timur Tengah.

maksud perkataan yang telah berubah daripada maksud asal perkataan. Misalnya, hakim bermakna bijaksana, namun dalam pemahaman bahasa Melayu perkataan ini bermakna pegawai yang mempunyai kelulusan undang-undang yang dilantik untuk mengadili percabaran mahkamah.

Pengajian Dunia Arab Klasik ke Mutakhir

Dalam sejarah dunia, perpustakaan dunia Islam dan Latin menjadi sumber khazanah yang berharga. Hal ini dapat dilihat pada abad ke-10 apabila Cordoba mempunyai 70 buah perpustakaan dan mempunyai 600 ribu buah buku, selain 60 ribu buah karya puisi, polemik, jilidan-jilidan karya yang diterbitkan setiap tahun. Sementara itu, Mesir mempunyai 100 buah buku, dan perpustakaan Tripoli

dianggarkan mempunyai tiga juta buku sebelum dibakar ketika perang Salib (Zahid Ashraf Wani, 2012:4). Pengajian bahasa Arab penting dalam konteks pihak kolonial yang ingin menjajah negara Arab. Keputusan rasmi Majlis Gereja Vienne pada tahun 1312 untuk menubuhkan beberapa siri kursi pengajian Arab, Hebrew, dan Syria di kota Paris, Oxford, Bologna, Avignon dan Salamanca membawa kepada kajian linguistik, kebudayaan dan etnik. (Edward Said, 1979:50). Bermulalah kajian Arab khusus dalam bidang bahasa, budaya, sejarah, malah agama oleh orientalis. Harvard menubuhkan kursi Arab pada tahun 1654, diikuti oleh Universiti Yale (1700) dan Princeton (1822). Sarjana dikehendaki mempelajari bahasa Hebrew sebelum mempelajari bahasa Arab. Pengaruh sarjana Belanda membawa kepada penubuhan pengajian Arab di Universiti John Hopkins pada tahun 1883 (Mecarus, 1992:208). Di sinilah permulaan pengajian Arab dan usaha untuk memahami dunia Arab.

Namun, pada masa kini, bidang pengajian dilihat sebagai bidang untuk mendapatkan kefasihan linguistik dan memahami kebudayaan dan agama. Selain minat tersebut, orang Barat yang mempelajari bahasa dan dunia Arab sering dikaitkan dengan peluang pekerjaan di Timur Tengah seperti bidang penyiaraan, kewartawanan, urusan perniagaan, pelaburan, bank dan bidang diplomasi. Selepas, 11 September 2001, terdapat perhatian dunia untuk memahami permasalahan dunia Islam dan Arab. Pada masa dunia memberikan perhatian terhadap sumber kekayaan Arab dan jalinan perdagangan, usaha untuk mempelajari bahasa dan budaya Arab tidak dilupai dan dijadikan rangsangan. DB